

16 FEB 1997

Masing-Siasat

PBDS AKAN MENYIASAT AMALAN RASUAH DI BUKIT BEGUNAN

KUCHING, 16 Feb (Bernama) -- Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) akan menyediakan satu laporan mengenai dakwaan amalan rasuah di pilihan raya Dewan Undangan Negeri Bukit Begunan, di Bahagian Sri Aman tahun lepas.

Naib Presiden parti itu Dr James Jemut Masing berkata, sebuah jawatankuasa ad-hoc yang diketuai oleh beliau telah dibentuk dan turut dianggotai oleh peguam-peguam untuk menjalankan siasatan menyeluruh.

"Laporan itu akan dikemukakan kepada mesyuarat majlis tertinggi PBDS minggu depan dan selepas itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud," kata beliau kepada pemberita di kediamannya hari ini.

Mahkamah Tinggi pada Khamis lepas mengisytiharkan keputusan pilihan raya Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Bukit Begunan sebagai batal dan tidak sah selepas didapati adanya amalan rasuah dalam pemilihan itu.

Dalam pilihan raya itu muka baru Mong anak Dagang dari PBDS menewaskan Donald Lawan dengan majoriti 4,891 undi. Donald hanya mendapat 2,726 undi.

Mahkamah itu bagaimanapun tidak mendapati sebarang bukti bagi mensabitkan Mong dengan kesalahan berbelanja berlebihan semasa pemilihan itu dan beliau bebas bertanding lagi.

Masing yang juga Menteri Pelancongan Sarawak berkata, PBDS telah melantik seorang peguam untuk mengkaji keputusan Mahkamah Tinggi oleh kerana keputusan itu "mengelirukan" selepas membaca sijil daripada Mahkamah Tinggi dan berunding dengan peguam-peguam lain.

"Beberapa bahagian di bawah Akta Pilihan Raya 1958 telah diketepikan seperti Seksyen 28 yang menyatakan calon-calon ataupun calon-calon agen bebas daripada tuduhan rasuah maka keputusan pilihan raya itu tidak terbatal," kata beliau.

Di samping itu sijil Mahkamah Tinggi dengan jelas menyatakan Mong anak Dagang dan ejen pilihan rayanya tidak terbabit dengan amalan rasuah, kata beliau.

"Peguam kami akan mengkaji perkara itu dan akan mengambil tindakan sewajarnya," dan presiden PBDS Datuk Leo Moggie telahpun diberitahu mengenainya, katanya. -- BERNAMA

RDY PR